

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal tempatan **yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan masih lagi berkuat kuasa serta memiliki **salah satu** kod bidang berkaitan bagi menyertai sebut harga sepertimana berikut:

NO. / TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH & MASA BUKA/TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
EAIC/SH/02/2026 Perkhidmatan Mereka Bentuk, Mencetak, Membekal Dan Menghantar Bahan Kempen Promosi & Publisiti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	i. 030201: Cenderamata dan Hadiah ii. 221615: Rekabentuk Percetakan (Printing Design); iii. 020803: Bagasi dan Beg Dari Kulit/ PVC/ Kanvas/ Kain/ Nylon /Plastik/ Logam/ Dll. iv. 020804: Pakaian Keselamatan, Kelengkapan dan Aksesori v. 020603: Organiser, Diari, Kalender, Buku Alamat, Resit, Memo vi. 020401: Peralatan dan Perkakasan Domestik (Termasuk Barang-Barang Tidak Lekat Di Badan) vii. 221305: Penyediaan Pentas/ Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan Dan Karnival/ Pestaria	13 Februari 2026 (Jumaat) Hingga 26 Februari 2025 (Khamis) Jam 12.00 Tengah Hari	Peti Sebut Harga Aras 5, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No.18 Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 W.P Putrajaya.

1) Dokumen Sebut Harga

- i. Penyebut harga boleh mendapatkan dokumen sebut harga di Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 Putrajaya pada hari dan waktu bekerja sahaja sebelum tarikh tutup sebut harga.
- ii. Penyebut harga boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga secara emel kepada eaic-perolehan@eaic.gov.my dengan menyatakan nama dan alamat lengkap syarikat kerana Borang Sebut Harga (Lampiran Q) akan diberikan nombor siri untuk pengawalan.
- iii. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi iaitu **Sampul Dokumen Teknikal dan Sampul Dokumen Kewangan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **dilakri dan dilabelkan dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga**.
- iv. Dokumen Sebut Harga perlu dihantar secara serahan tangan (hadir ke pejabat EAIC dengan memasukkan Dokumen Sebut Harga tersebut ke dalam Peti Sebut Harga) atau menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier ke alamat berikut sebelum atau pada:

Tarikh Tutup : 26 Februari 2026 (Khamis)
Masa : 12.00 tengah hari
Tempat : Aras 5, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- v. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada **26 Februari 2025 (Khamis)** selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
 - vi. Sebut harga yang lewat dihantar tidak akan diterima atau dilayan. Pihak EAIC tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung.
 - vii. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen sebut harga.
- 2) Sebarang pertanyaan berhubung Kenyataan Tawaran Sebut Harga ini, sila kemukakan melalui emel atau menghubungi Urus Setia Sebut Harga EAIC sepertimana berikut:

Nama	Alamat Emel	No. Telefon
Puan Siti Suraya binti Baharuddin	eaic-perolehan@eaic.gov.my	03-8880 5717
Encik Muhammad Amirrul Fitri bin Dzulkifli		03-8880 5716